

32. Menangkap Pencuri

Tulis sebuah cerita berdasarkan gambar berikut.



Kata bantuan:

kedai elektronik	komputer riba
lelaki remaja	melaporkan
berkelakuan ganjil	penggera

Pada suatu hari, saya dan Ayah pergi ke sebuah kedai elektronik di sebuah pusat membeli-belah. Ayah ingin membeli sebuah televisyen dan kipas baru.

Sedang kami melihat-lihat kipas angin yang dijual di sana, saya ternampak seorang lelaki remaja. Dia sedang berkelakuan ganjil. Saya nampak dia memasukkan sebuah komputer riba di dalam begnya. Saya pun memberitahu Ayah tentang perkara itu. Ayah pula segera melaporkan perkara itu kepada salah seorang pengawal keselamatan di kedai itu.

Sejurus lelaki remaja itu melangkah keluar dari kedai itu, bunyi penggera kedengaran. Beberapa pengawal pun memberkas remaja itu. Mereka pun mengucapkan terima kasih kepada kami kerana kerjasama kami.